



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 1978
DR.27/1978

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[1hb Januari 1976.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) 1978 dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1976.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 2 Akta Saraan Hakim 1971, yang dalam Akta ini disebut sebagai "Akta ibu", adalah dipinda—

Pindaan
bagi
seksyen 2.
Akta 45.

(a) dengan menggantikan perkataan "dalamnya itu" yang terdapat dalam seksyen-kecil (1) dengan perkataan-perkataan "dalam ruang ketiga yang bersebelahan dengannya"; dan

(b) dengan memasukkan perkataan-perkataan "ruang pertama" di antara perkataan-perkataan "dalam" dan "Jadual Kedua" yang terdapat dalam seksyen-kecil (2) dan dengan menggantikan perkataan "dalamnya itu" yang terdapat dalam seksyen-kecil tersebut dengan perkataan-perkataan "dalam ruang kedua yang bersebelahan dengannya itu".

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "penchen" dalam baris empat perkataan-perkataan "dan ganjaran".

Pindaan
bagi
seksyen 3.

Pindaan
bagi
seksyen 7.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan yang berikut—

“Ganjaran. 7. Seseorang yang berhak mendapat pencen di bawah Akta ini adalah juga berhak mendapat ganjaran yang amaunnya dihitung mengikut kadar satu par dua puluh daripada gaji yang akhir diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatannya.”

Pindaan
bagi
seksyen 8.

5. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “dan ganjaran” selepas perkataan “penchen” yang terdapat dalam baris kedua dari akhir.

Pindaan
bagi
seksyen 10.

6. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “suatu penchen gantian tetap atau suatu penchen susutan” yang terdapat dalam baris empat dan lima dengan perkataan-perkataan “pencen dan ganjaran”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “sama banyaknya dengan penchen gantian tetap-nya” yang terdapat dalam baris lapan dengan perkataan-perkataan “dihitung mengikut seksyen 7”; dan

(c) dengan memotong perkataan “susutan” yang terdapat dalam baris sembilan.

Pindaan
bagi
seksyen 12.

7. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah bertindih yang terdapat dalam seksyen-kecil (3) dengan noktah; dan

(b) dengan menggantikan proviso kepada seksyen-kecil (3) dengan seksyen-kecil (4) dan provisonya yang berikut—

“(4) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada tarikh Akta ini mula berkuatkuasa:

Dengan syarat bahawa bagi seseorang Hakim yang dilantik dari antara anggota-anggota Perkhidmatan Awam—

(a) yang telah mencapai umur lima puluh tahun tetapi bukan umur lima puluh lima tahun sebelum 1hb Julai 1977, Hakim itu tidak boleh dibayar pencen dan ganjaran mengenai apa-apa tempoh sebelum 1hb Julai 1977; dan

(b) yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun sebelum 1hb Julai 1977, Hakim itu hendaklah dibayar pencen dan ganjaran dari tarikh ia mencapai umur itu,

dan peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (3) hendaklah dipakai bagi segala kes lain dari 1hb Julai 1977.”.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual Pertama baru yang berikut—

Pindaan
bagi
Jadual
Pertama.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2 (1)]

(1) Hakim	(2) Gaji (berpencen)	(3) Tarikh berkuatkuasa
1. Ketua Hakim Negara ...	\$6,000 sebulan	1-1-1976
2. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	\$5,500 sebulan	1-1-1976
3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo	\$5,400 sebulan	1-1-1976
4. Hakim Persekutuan ...	\$5,250 sebulan	1-1-1976
5. Lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan Borneo	\$4,800 sebulan	1-1-1976”.

9. Tertakluk kepada seksyen 10, Akta ini dan Peraturan-peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1979 (kemudian daripada ini disebut “Peraturan-peraturan itu”) hendaklah dipakai bagi tiap-tiap orang yang memegang jawatan Hakim pada 1hb Januari 1976 atau yang dilantik menjadi Hakim selepas tarikh tersebut, walaupun ia telah mati, berhenti atau bersara dari, atau tidak lagi memegang, jawatan Hakim sebelum Akta ini dan Peraturan-peraturan itu disiarkan dalam *Warta*.

Pemakaian.

10. Seseorang yang telah dilantik menjadi Hakim sebelum Akta ini dan Peraturan-peraturan itu disiarkan dalam *Warta* boleh, dalam masa tiga bulan dari penyiaran itu memilih secara bertulis untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Akta ini dan Peraturan-peraturan itu; dan jika

Pemilihan.

ia tidak memilih sedemikian, ia hendaklah terus ditakluk oleh peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain yang kena dipakai baginya seolah-olah Akta ini dan Peraturan-peraturan itu tidak diluluskan atau dibuat, mengikut mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa jika seseorang yang mana adalah seorang Hakim pada atau selepas 1hb Januari 1976 telah mati sebelum ia membuat suatu pilihan di bawah seksyen ini, ia hendaklah disifatkan sebagai telah memilih untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Akta ini dan Peraturan-peraturan itu.

Kecualian.

11. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh sesuatu pencen atau ganjaran yang telah diberi atau yang seorang Hakim layak mendapatnya sebelum Akta ini disiarkan dalam *Warta*; dan pembayaran pencen atau ganjaran yang diberi sedemikian boleh diteruskan, dan pencen atau ganjaran yang ia layak mendapat itu boleh diberi, di bawah mana-mana undang-undang yang kena dipakai melainkan ia telah memilih mengikut seksyen 10 untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Akta ini dan Peraturan-peraturan itu, atau melainkan proviso kepada seksyen 10 dipakai baginya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyebabkan Kerajaan bertanggung membayar sesuatu jumlah wang yang lebih daripada amaun yang kena dibayar kepada seseorang Hakim sebagai pencen atau ganjaran sama ada sebagai bunga atau lain-lain dan sama ada pencen atau ganjaran itu telah genap masanya dibayar sebelum atau selepas Akta ini disiarkan dalam *Warta*.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Saraan Hakim 1971 untuk mengubah dan menaikkan gaji Hakim-hakim sebagaimana dinyatakan dalam *Fasal 8*. Peluang adalah juga diambil untuk meminda seksyen 2 Akta (*Fasal 2*) untuk memudahkan pindaan-pindaan masa-depan kepada Jadual-jadual dalam bentuk yang lebih ringkas.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 Akta itu untuk mengadakan peruntukan supaya seseorang Hakim berhak mendapat ganjaran juga selain daripada pencen dan supaya pengiraan ganjaran adalah mengikut peruntukan-peruntukan Akta itu. Pindaan ini adalah berbangkit dari pindaan yang dibuat oleh *Fasal 4*.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 7 Akta itu dengan mengadakan suatu peruntukan yang terus-terang mengenai ganjaran dan penghitungannya bagi menggantikan peruntukan yang ada sekarang.

Fasal 5 dan *6* bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit untuk mengadakan peruntukan menghakkan seseorang Hakim menerima ganjaran dalam seksyen 8 Akta itu dan untuk menggantikan pencen gantian atau pencen susutan dengan pencen dan ganjaran dalam seksyen 10 Akta itu.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 12 Akta itu dengan memasukkan seksyen-kecil (4) baru dan proviso yang mengadakan peruntukan supaya Hakim-hakim yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun sebelum 1hb Julai 1977 dibayar pencen atau ganjaran dari tarikh mereka mencapai umur tersebut dan bukan hanya dari 1hb Julai 1977.

Fasal 9 mengadakan peruntukan, antara lain, bahawa Akta yang dicadangkan itu akan dipakai bagi tiap-tiap orang yang memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Januari 1976 atau yang dilantik sebagai seorang Hakim selepas tarikh tersebut.

Fasal 10 bertujuan membuat peruntukan bagi seseorang Hakim memilih untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu dan Peraturan-peraturan itu dalam masa tiga bulan selepas ianya disiarkan dalam *Warta*. Jika seseorang adalah seorang Hakim pada atau selepas 1hb Januari 1976 dan ianya telah mati sebelum penyiaran itu, ia adalah disifatkan sebagai telah memilih untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu dan Peraturan-peraturan itu.

Fasal 11 mengandungi suatu kecualian mensyaratkan bahawa Akta yang dicadangkan itu tidak akan menyentuh sesuatu pencen atau ganjaran yang telah diberi atau yang seseorang Hakim layak menerimanya sebelum Akta yang dicadangkan itu disiarkan dalam *Warta* dan bahawa pembayaran pencen atau ganjaran itu boleh diteruskan atau diberi, mengikut mana yang berkenaan, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang kena dipakai mengenainya melainkan Hakim itu telah memilih atau disifatkan sebagai telah memilih di bawah *Fasal 10* untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu dan Peraturan-peraturan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan bagi membayar gaji Hakim-hakim, tetapi amaunnya yang terlibat belum dapat ditentukan lagi.

[PN. (U²) 889.]